

**Adat Perpatih : Perlantikan Undang Luak
Sungai Ujong.**

Siti Zaharah Bte. Padzil

**Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk
menentukan sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjanamuda
Undang-Undang dengan kepujian.**

**Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia**

1991

PENGAKUAN

Selain yang dinyatakan, latihan ilmiah ini adalah hasil kajian sendiri.

Tarikh: 11.4.1991

Tandatangan: *[Signature]*

0200017814

Penghargaan.

Kajian ini tidak mungkin dapat disiapkan tanpa adanya sokongan dan galakan yang diberi oleh pihak-pihak tertentu.

Pertamanya saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada penyelia iaitu Ust. Abdul Monir b. Yaacob. Beliau banyak membantu dari segi penulisan dan memberikan komen-komen yang membina terhadap kajian ini.

Keduanya, ucapan terima kasih kepada Setiausaha Jawatakuasa Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan, Tuan Haji Muhammad Taino dan pembantunya Yati, tanpa bantuan mereka berdua, penulis akan mengalami kesukaran mendapatkan bahan-bahan bertulis.

Seterusnya kepada Dato'-Dató' Lembaga Luak Sungai Ujong yang membantu penulis menghuraikan masalah-masalah yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Istimewa untuk keluarga, terima kasih di atas pengorbanan dan sokongan yang diberikan selama ini.

Akhir sekali buat teman-teman
seperjuangan, terima kasih di atas pengertian dan
pesahabatan yang diberikan semoga kalian bertemu
dengan apa yang kalian cari.,

Sinopsis

Adat Perpatih adalah merupakan satu sistem Adat yang berunsur demokrasi. Ini dapat dilihat dari segi pemilihan Ketua-Ketua Adat, yang mana ianya berlandaskan kepada kata muafakat dan bermesyuarat.

Kini, istilah demokrasi itu telah dicemari oleh pihak-pihak yang tertentu di dalam usaha mereka untuk mendapatkan pangkat dan kuasa. akibat dari tindakan yang sebegini, rata-rata masyarakat, khususnya penduduk Negeri Sembilan mulai ragu dengan kemurnian adat itu.

Synopsis.

Adat Perpatih is a form of custom which practices democracy. This is evidence by the election of heads of the custom. A full consensus and mutual agreement by the people ensures the election of these heads.

However, the leniency of democratic system has led to it being tainted by the act of certain parties who are deadly ambitious in obtaining power. Due to their capricious ways, the people of Negeri Sembilan are losing confidence in the efficacy of this custom.

BAB 1 : PENGERTIAN ADAT DAN ADAT PERPATIH.

1.1	KEMUNCULAN ADAT PERPATIH DAN HUBUNGAN- NYA DENGAN MINANGKABAU	1
1.2	PENGERTIAN ADAT	4
1.3	PENGERTIAN ADAT PERPATIH	11
1.4	ADAT YANG SEBENAR ADAT	15
1.5	ADAT YANG TERADAT	17
1.6	ADAT YANG DIADATKAN	19
1.7	ADAT ISTIADAT	20
1.8	TUMBUHNYA ADAT PEPATIH	22

BAB II : LATAR BELAKANG SEJARAH SUNGAI UJONG

2.1	: KEDUDUKAN	32
2.2	: SEJARAH	34
2.3	: PENDUDUK ASAL	37
2.4	: KEWUJUDAN SISTEM PEMERINTAHAN BERUNDANG DAN BERLEMBAGA	42
2.5	: ORANG-ORANG BESAR SUNGAI UJONG	51

BAB III : PERLANTIKAN UNDANG LUAK SG. UJONG

3.1	: PENDAHULUAN	54
3.2	: CARA PERLANTIKAN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG,	
3.3	: KRISIS PERLANTIKAN	61
3.4	: KESIMPULAN	87

**BAB IV : FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA KONFLIK DAN
KESIMPULAN.**

4.1	: MUKADIMAH	89
4.2	: FAKTOR-FAKTOR	89
4.3	: IMPLIKASI	108
4.4	: KESIMPULAN DAN PENUTUP	121

SENARAI KES

1. Dato' Menteri Othman b. Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus : 1981 1 MLJ 29

SENARAI SINGKATAN.

1. JMBRAS : Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society.
2. PERMANIS : Persatuan Mahasiswa Negeri Sembilan

SENARAI LAMPIRAN.

1. Surat Dato' Maharajalela Zamhari b. Haji Abdul Rahman kepada Dato' Shahbandar Dato' Shaari b. Hj. Hassan.
2. Surat pemberitahuan tentang siapa yang berhak melantik dan mengisytiharkan undang baru Luak Sungai Ujong ke 10.
3. Surat Dato' Maharajalela Zamhari b. Haji Abdul Rahman kepada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.
4. Surat Dato' Maharajalela Zamhari b. Haji Abdul Rahman kepada Pemangku Dato' Andika, Abdul Malek b. Joned.
5. Surat Dato' Maharajalela Zamhari b. Haji Abdul Rahman kepada Dato' Lembaga.
6. Jemputan menghadiri majlis perlantikan Raja Abdul Rahim Raja Razak sebagai undang Luak Sungai Ujong ke 10.
7. Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

PENDAHULUAN.

Adat Perpatih adalah satu cara hidup asli orang melayu, diamalkan oleh masyarakatnya di Negeri Sembilan dan di kawasan-kawasan sekitarnya. Adat itu hidup hingga sekarang bukan sahaja kerana keasliannya, ciptaan nenek moyang dulukala, tetapi juga ialah kerana konsep-konsep dah lunas-lunas adat itu sebahagian besarnya boleh menjadi pegangan hidup, sekalipun dalam zaman pembangunan ini, di mana masyarakat bersifat dinamis, hidup berlumba-lumba ke arah pembaharuan untuk mencapai kemajuan. Adat Perpatih tidak menggalakkan masyarakatnya hidup berpecah belah dan sentiasa dalam pertelingkahan. Pepatahnya berkata, "Tuah hidup pada seia sekata dan celaknya pada silang sengkita."

Apa yang berlaku di Luak Sungai Ujung ini seolah-olah menggambarkan tiadanya seia sekata di dalam menjalankan pentadbiran Adat.

Penulis membahagikan kajian ini kepada empat bab. Di dalam bab yang pertama, penulis menghuraikan tentang konsep adat serta pengertian adat dan juga penulis menghuraikan tentang

kemasukan dan hubungan di antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan.

Di dalam bab kedua, penulis menghuraikan tentang sejarah dan asal usul Luak Sungai Ujung. Di dalam bab ini juga dinyatakan tentang Datuk Perpatih Nan Sebatang dan pembesar-pembesar di Negeri Sembilan.

Manakala bab tiga pula adalah merupakan intipati kajian penulis. Di dalam bab ini penulis mengkaji siri demi siri yang membawa kepada tercetusnya konflik di Luak Sungai Ujung.

BAB 3 Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong

Pendahuluan

Pemilihan Ketua Adat di luak Sungai Ujong adalah unik dan berbeza dengan tiga luak yang lain. Ini disebabkan di Sungai Ujong terdapat undang bertaraf "Dua Sela" iaitu Dato' Kelana Putera bagi waris di Darat dan Dato' Shahbandar bagi waris di Air.

Pemilihan Ketua Adat berdasarkan kepada kata perbilangan

*"Bulat anak buah menjadikan buapak
Bulat buapak menjadikan lembaga
Bulat lembaga menjadikan undang
Bulat undang menjadikan keadilan".*

Dalam mencari bakal penyandang, konsep yang berdasarkan "bertangga naik" berjinjing turun - jika digunakan, iaitu kata bercari dalam waris. Apabila berlakunya kematian undang, maka "kerapatan" dikalangan perut-perut dalam waris-warisan berkaitan akan diadakan untuk mencari bakal penyandang yang sah dari segi aturan adat dan pesaka.

Pemilihan Dato' Kelana bermula dengan pembentukan sebuah jawatankuasa. Jawatankuasa ini dianggotai oleh tiga orang iaitu Dato' Johan selaku Tua Waris Perut Hulu dan Dato' Maharajalela selaku Tua Waris Hilir. Anggota ketiga ialah seorang waris tertua yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai urusan pentadbiran adat dan pesaka luak Sungai Ujong. Bagaimanapun jawatankuasa ini tidak semestinya dianggotai oleh Dato' Johan dan Dato' Maharajalela. Ini berlaku di dalam pemilihan dan perlantikan undang ke 9, Alahyarham Dato' Kelana Mohd. Kasim Dato' Nika Hj. Abd. Rashid - 1946. Jawatankuasa pemilihan ketika itu dianggotai oleh Ibu Sako Tertua (Perempuan) yang mewakili Perut Hulu dan adik lelaki kepada Dato' Maharajalela yang mewakili Perut Hilir. Anggotanya yang ketiga ialah seorang bekas penulu.

Jika anggota jawatankuasa ini gagal mencapai kata sepakat mengenai pemilihan seorang ialah bakal penyandang pesaka Dato' Kelana, maka kuasa pemilihan terserah kepada empat Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong yang diketuai oleh Dato' Andika Sementara tiga lagi Dato' lembaga yang lain

ialah Dato' Seri Maharaja Di raja, Dato' Akhir Zaman, Rantau dan Dato' Dagang Paroi.

Lazimnya jawatankuasa berkenaan akan menyerahkan satu senarai yang mengandungi nama-nama calon Datuk Kelana kepada empat Lembaga Tiang Balai berkenaan menerusi Dato' Andika. Jika keempat-empat mereka gagal mencapai kata sepakat mengenai pemilihan bakal penyandang pesaka Dato' Kelana, maka kuasa muktamat terletak ditangan Dato' Andika.¹

Cara perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

Perlantikan undang luak Sungai Ujong adalah berdasarkan teromba atau salasilah Sungai Ujong. Teromba ini adalah merupakan satu perlembagaan yang lengkap. Teromba ini hanya boleh dimiliki oleh undang sahaja - bak kata pepatah "undang berteromba bersalasilah. Waris-warisan tidak berhak memiliki teromba ini dan jika di dapati mereka memilikinya maka mereka akan di hukum.²


-
1. Temuramah dengan Dato' Johan, Dato' Razali -
Tua Waris Perut Ulu.
 2. Temuramah dengan Dato' Johan, Dato' Razali.

Selepas kewafatan seseorang undang, kebiasaannya semasa mayat tersebut masih berada di atas rumah, Dato' Andika dan Dato'-Dato' yang lain akan berkumpul mencari bakal pengganti Dato' Kelana mengikut adatnya seseorang yang ditentukan daripada waris kelana hendaklah duduk di atas usungan semasa jenazah Almarhum di usung ke perkuburan. Waris Kelana yang duduk di atas usungan tersebutlah yang akan menjadi undang yang seterusnya. Ini selaras dengan kata adat "Kelana mati, kelana menanam".³

Langkah pertama yang dilakukan ialah proses mencari-cari dalam anak buah. Semasa proses ini apa yang berlaku ialah calon yang layak akan dikemukakan oleh Buapak kepada Dato' Lembaga. Nama yang dicalonkan tersebut akan diserahkan kepada Tiang Balai yang 4 untuk diteliti peribadi dan latar belakang masing-masing. Proses ini diambil untuk memastikan hanya calon yang benar-benar layak dan sempurna sahaja untuk menyandang jawatan tersebut. Kemudian nama calon yang tunggal akan di kemukakan kepada Dewan Keadilan dan Undang untuk disahkan dan kemudiannya

3. Ini hanyalah dari segi teori sahaja, sedangkan ianya tidak dipraktikkan.

diiktirafkan oleh kerajaan Negeri untuk memudahkan pemahaman, lihat gambarajah di bawah;



Dato' Andika sebagai Tua Lembaga Tiang Balai menerima nama yang di kemukakan oleh Tua Lembaga Waris Kelana' Calun-calun ini adalah dari waris-waris yang telah ditapis oleh Lembaga Tiga Persukuan, kemudian calun itu di serahkan untuk diistiharkan oleh Dato' Shahbandar. Pengisytiharan ini disaksikan oleh Pegawai-Pegawai kerajaan dan direstui oleh Dewan Keadilan dan pengesahan dibuat oleh Menteri Besar.

Jika diteliti dari aturan penilaian di atas memang tidak dapat dinafikan, pemilihan bakal undang tidaklah susah kerana jika pepatah-pepatah

yang berkaitan dengan pemilihan tersebut diikuti dan juga segala aturan dituruti, undang akan dapat disempurnakan dalam masa yang singkat. Walaupun begitu asas pemilihan diatas hanyalah senang dari segi teori tetapi praktiknya tidak semudah yang disangka. Sebelum seseorang itu dihantar namanya kepada Dato' Lembaga iaitu "mencari-cari di dalam waris", syarat-syarat tertentu mesti dipatuhi. Selalunya di peringkat inilah konflik sering berlaku.

Kebiasaan bakal penyandang yang dipilih adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- i. Mengikut giliran perut yang layak
- ii. Saka-Keturunan yang betul dari nisbah ibu.
- iii. Baka - mempunyai keturunan yang baik-baik dan tidak cacat cela.
- iv. Pandai memerintah dari segi perjalanan adat istiadat dan syarak.
- v. Penyandang dipersetujui untuk memimpin dan di terima oleh waris dan anak buah.

Syarat-syarat di atas bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai dan dipenuhi. Dari peringkat inilah selalunya konflik bermula.

Sebagai contohnya pemilihan Dato' Kelana ke 9, 1946. Pemilihan ini telah menimbulkan konflik dalam menentukan bakal pengganti di kalangan waris Darat Perut Hilir. Pecahan Perut Hilir ialah Kampung manggis dan Kampung Gendang masing-masing mendakwa layak memegang pesaka tersebut. Kedua-dua mereka menghujah dan memberikan alasan-alasan yang tertentu mengapa mereka layak menyandang pesaka tersebut. Sebenarnya tidak ada satu peraturan pun di antara kedua-dua kampung tersebut yang menghalang untuk menyandang jawatan tersebut. Kedua-duanya adalah sama layak memegang jawatan tersebut. Akhirnya calon dari Kampung Gedang telah dilantik menjadi Dato' Kelana Petra.

Dari contoh di atas, dapat kita buat kesimpulan di sini iaitu pemilihan seseorang penyandang pesaka itu adalah terlalu kompleks. Sedangkan di dalam Perut tersendiri mereka berebut jawatan, inikan pula jika ianya dibuka kepada orang ramai. Hanya orang-orang yang mahir dan Dato'-Dato' Lembaga sahaja yang mengetahui sebenarnya bagaimana sesuatu pemilihan undang itu boleh di buat kerana hanya mereka yang memahami aturan adat dan perjalanan pesaka di dalam kawasan masing-masing.

Krisis perlantikan undang Luak Sungai Ujong yang ke 10.

*"Kok patah mana tumbuhnya
Kok hilang mana gantinya"*

Rangkaian pertanyaan ini timbul di kalangan penduduk-penduduk daerah Luak Sungai Ujong, daerah yang kini mengalami masa ketegangan dalam soal pemilihan undangunya yang baru. Sungai Ujong merupakan luak yang terkanan sekali diantara luak-luak di Negeri Sembilan. Luak Sungai Ujong pada amnya tidak mengamalkan Adat Perpatih Minangkabau tetapi mengamalkan Adat Perpatih Ketemenggungan.⁴

Konflik perlantikan ini bermula dengan kematian Dato' Kelana Putra Mohd. Kasim b. Datuk Nika Haji. Abd. Rashid pada 28 Oktober 1983. Sejak kematian beliau, rakyat atau warisnya ibarat anak kehilangan ibu. Kematian beliau juga membawa erti rakyat Negeri Sembilan dalam lingkungan Sungai Ujong telah kehilangan tempat mengadu dalam menyelesaikan masalah adat secara lebih teratur dan teradat.

4. -- Pepatah menyatakan : Beraja ke Johor
Bertali ke siak

Mengikut peraturan yang termaktub di dalam teromba Luak Sungai Ujong itu, "apabila matinya kelana, maka kelanalah yang menanam". Maksudnya apabila seseorang Dato' Kelana itu mati, maka Dato' Kelana juga yang akan menanamnya. Pendek kata, Dato' Kelana yang baru mesti dicari ganti ketika mayat Dato' Kelana belum dikebumikan, tanpa ditangguh-tangguh. Disebabkan ketiadaan satu peraturan khusus dalam mencari pengganti undang Luak Sungai Ujong, maka jawatan itu telah dibiarkan kosong hingga ke hari ini.

Kekecohan atau konflik ini mula berlaku pada peringkat awalnya di antara Perut Hulu dan Perut Hilir yang masing-masing mendakwa layak menyandang jawatan itu. Mengikut aturan adat Luak Sungai Ujong, pesaka Undang Luak Sungai Ujong hendaklah digilirkan dikalangan anak-anak waris di Darat daripada Perut Hulu dan Perut Hilir. Allahyarham Dato' Muhammad Kasim adalah dari Perut Hilir.

Tua Perut Hulu, Dato' Razali b. Abd. Khalid telah pun menyerahkan senarai calon berkenaan kepada Empat Datuk Lembaga Tiang Balai

Luak Sungai Ujong.⁵ Menurut beliau anak-anak waris Perut Hulu telah mencapai kata sepakat mengenai pemilihan benih untuk menyandang pesaka Dato' Undang Luak Sungai Ujong. Beliau menambah lagi, ini telah diputuskan di dalam satu kerapatan yang diadakan di Telaga Undang, Batu 9, Pantai pada 18hb April, 1984 mereka yang dicalonkan ialah En. Abd. Rahman b. Khalid, En. Shahrulzaman b. Dato' Lela Bangsa Haji Abd. Malik, Raja Abd. Rahim b. Dato' Pawang haji Abd. Razak dan En. Mubarak b. Dohak.⁶ Beliau menambah lagi bahawa proses pemilihan adalah mengikut sagala panduan yang di keluarkan oleh Dewan Keadilan dan Undang.

Sebelum itu Dato' Johan menyatakan bahawa satu kerapatan telah diadakan pada 7hb. Mac, 1984 di mana Tua Perut Hilir, Dato' Maharajalela Dato' Jamhari B. Haji Abd. Rahman memutuskan bahawa kali ini adalah giliran Perut Hulu untuk menyandang pesaka undang Luak Sungai Ujong. Pada 11, April, 1984, anak-anak waris Perut Hulu telah mengadakan satu kerapatan untuk mengukuhkan keputusan itu dan seminggu selepas itu kerapatan adat diadakan di mana pemilihan empat calon berkenaan dibuat.

5. Temuramah dengan Dato' Khalid.

6. Berita Harian, 11.12.1985.

Walaupun begitu pencalonan itu telah dibantah oleh ibu Sako Perut Hilir dengan alasan percalonan itu adalah "tidak sah" di segi aturan adat. Mereka (Perut Hilir) telah menggaris beberapa faktor, di antaranya ialah

- i) Tua waris Perut Hilir Dato' maharajalela Dato' Zamhari tidak pernah menyerahkan pesaka Dato' Kelana kepada Perut Hulu.
- ii) Dato' Razak disegi adat tidak diakui sebagai Tua waris Perut Hulu dan anak-anak waris keseluruhan kerana "pesakanya telah tertanam selama 7 tahun".
- iii) Pesaka Dato' Kelana tidak semestinya 'Hilang di Hilir berganti di Hulu' jika berlaku kecacatan di dalam adat. Tambahan pula Allahyarham Dato' Kelana Mohd. Kasim b. Dato Nika Hj. Abd. Rashid, ada meninggalkan amanat bahawa pesaka Dato' Kelana tidak boleh berpindah ke Hulu kerana pesaka Tua Lembaganya sudah tertanam selama 7 tahun.
- iv) Dato' Razali telah mengenepikan Dato' Zamhari dan anak-anak buahnya di dalam kerapatan memilih calon-calon berkenaan.

Perut Hilir menambah lagi kerapatan yang dimaksudkan oleh Dato' Razali itu sebenarnya adalah 'bulat muafakat di dalam 4 atau 10 buah rumah sahaja dan bukannya persetujuan keseluruhan anak-anak waris.⁷

Kenyataan ini telah dibantah oleh Tua waris Perut Hulu dan beliau menjelaskan bahawa Ibu-ibu Sako Perut Hilir tidak berhak membuat bantahan berhubung pemilikan calon undang Luak Sungai Ujong kerana Tua waris Perut Hilir telah menyerahkan pesaka berkenaan kepada perut Hulu. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa Dato' Zamhari telah membuat peristiharan mengenai giliran tersebut dan peristiharan ini telah disaksikan oleh empat Dato' Lembaga Tiang Balai dan Pegawai Kanan kerajaan. Kerapatan yang diadakan pada 11 April 1984 yang dihadiri oleh anak-anak waris Perut Hilir dan Perut Hulu telah sekali lagi mengistiharkan bahawa pesaka Dato' Kelana kali ini digilirkan kepada Perut Hulu. Menurut Dato' Johan lagi keputusan yang dibuat oleh Dato' Zamhari telah dikukuhkan kemudiannya oleh ibu-ibu Sako dan waris Tertua Perut Hilir kampung Gedang dan kampung Manggis.

7. Berita Harian, 14.12.1985.

Akibat dari kenyataan ini, Tua Waris Perut Hilir telah menolak dakwaan tersebut. Dato' zamhari berkata beliau tidak pernah menyerahkan pesaka berkenaan kepada Perut Hulu dan menurut beliau lagi beliau telah menjelaskan kedudukan sebenar perkara tersebut kepada Dato' Andika yang menjadi pemangku undang Luak ketika itu. Dato' zamhari juga telah menyatakan Perut Hulu tidak layak menyandang pesaka kerana Perut Hulu tidak mempunyai Tua Buapak waris (Dato' Johan) yang pesakanya telah terbenam sejak 7 tahun lalu. Beliau menyatakan waris-waris Hulu telah gagal menghidupkan pesaka Dato' Johan. Ini bermakna pesak kecil tidak diwujudkan, bagaimana pula Perut Hulu mahu menuntut pesaka yang lebih besar.

Segala kesimpulannya punca utama yang membawa kepada hilangnya giliran Perut Hulu ialah ketiadaan Dato' Johan iaitu Tua waris. Tua waris ini adalah penting di dalam pemilihan seseorang bakal penyandang pesaka kerana beliau yang akan mempersembahkan nama-nama calon yang layak kepada Dato' Lembaga Tiang Balai.⁸

8. Berita Harian. 17.12.1985.

Berkenaan dengan dakwaan Perut Hulu cacat dari segi adat kerana pesaka yang disandangnya telah terbenam selama 7 tahun, Dato' Razali menjelaskan bahawa pesaka Dato' Johan telah ditebus dalam satu istiadat yang diadakan di hadapan Pemangku Undang Luak Sungai Ujong Dato' Andika mendelika Fadzil B. Nordin pada 20hb. mac, 1984. Menurut beliau lagi istiadat itu sah di segi aturan adat Luak Sungai Ujong kerana ia turut disaksikan oleh Dato' Lembaga di bawah lingkungan Dato'Johan dari kampung Pantai, Kampung Mendom, Sungai Jai, Ulu Beranang dan Daching. Penebusan tersebut dilakukan dengan dua bentuk cincin emas. Beliau berkata lagi urusan penebusan tersebut telah disempurnakan mengikut aturan adat yang sah selaras dengan kata adat "Adat bertanda, hukum bersaksi".⁹

Penjelasan mengenai penebusan pesaka ini telah dianggap oleh Tua waris Perut Hilir sebagai tidak sah kerana ia dibuat dihadapan Pemangku Undang Luak Sungai Ujong. Dato' Zamhari berkata hanya undang sahaja yang berhak menghidupkan semula sesuatu pesaka yang terbenam selaras dengan kata

9. Berita Harian : 12. 12. 1985.

adat "sah batas pada lembaga, hidup mati ditangan undang". Walaupun begitu Dato' Johan tetap menegaskan bahawa beliau adalah penyandang pesaka yang sah di segi aturan adat dan tidak timbul sama sekali soal Perut Hulu 'cacat' dari segi adat. Beliau berkata ibu-ibu Sako dan anak-anak waris di barat daripada Perut Hulu melantiknya sebagai penyandang pesaka pada 8. April, 1984. Beliau juga mendakwa mempunyai segala surat dan dokumen yang berkaitan untuk menyokong kenyataannya.¹⁰

'Pergaduhan' di antara Perut Hilir dengan Perut Hulu terus berlaku dan kedua-dua perut menyalahkan di antara satu sama lain.

Perut Hilir pula terus menuntut hak mereka walaupun Dewan Keadilan dan undang telah menetapkan giliran kali ini jatuh kepada Perut Hulu. Mereka (Perut Hilir) berpegang pada keadilan yang diselaraskan dari kata-kata adat yang berbunyi

*"Kalau membahagi sama banyak
Kalau menimbang sama banyak
Kalau mengukur biar adil".*

10. Temuramah dengan Dato' Johan.

Ini disebabkan Perut Hulu telah menyandang pesaka Kelana sebanyak 5 kali manakala Perut Hilir menyandang pesaka sebanyak 4 kali. Walaupun undang yang sebelumnya, berasal dari Perut Hilir namun mereka menegaskan bahawa pesaka undang tidak semestinya di gilirkan di antara Perut Hulu dan Perut Hilir. Ini kerana Dato' Kelana yang pertama dan kedua adalah dari Perut Hulu. Akibat dari ini Dato' Maharajalela telah menghantar senarai nama calon kepada Dato' Lembaga Tiang Balai yang bertarikh 7.8.1984, menamakan 13 orang calon Perut Hilir.¹¹ Pada 24.3.1984 dan 12.3.1985, Dato' Maharajalela telah menghantar surat kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar, surat ini mengandungi nama-nama calon dari pencalonan yang awal tetapi jumlahnya telah dikurangkan kepada 3 orang. Calon-calon tersebut ialah:

- i. Raja Azman b. Raja Amir : Perut Kampung Manggis.
- ii. Azmi Hj. Mohammad : Perut Kampung Setul.
- iii. Jazahanim b. Hj. Amir : Perut Kampung Gedang.

11. Lihat lampiran.

Surat tersebut hanya mengandungi calon dari Perut Hilir sahaja sedangkan nama calon Perut Hulu tidak ada kerana mereka berpendapat calon Perut Hulu tidak mendapat restu sebab kecacatannya ketiadaan Tua Lembaga (Dato' Johan) mengikut istilah Adat Perpatih.

Krisis ini terus meruncing lagi dengan perlantikan Raja Abdul Rahim b. Raja Abdul Razak sebagai undang Luak Sungai Ujong ke-10. Pengisytiharan ini telah dibuat oleh Dato' Andika Mendelika Fadzil b. Nordin, selaku Tua Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong. Istiadat pengistiharan ini dibuat pada 8hb. Mac, 1986 di Telaga Undang, Pantai. Selepas pengistiharan perlantikan tersebut, Raja Abd. Rahim melafazkan ikrar jawatan, di ikuti dengan istiadat mengadap oleh Dato' Lembaga, ketua-ketua waris, Ibu-ibu Sako, Buapak-Buapak, dan anak-anak waris di Darat dan di Air. Istiadat mengadap ini tidak dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri kerana Dato' Shahbandar Dato' Shaari telah mengistiharkan tidak sah dari segi adat kerana jawatan Dato' Fadzil telah digantung.¹² Raja Abdul RAhim adalah

12. Berita Minggu - 9.3.1986.

dari Perut Hulu waris di Darat. Sehubungan dengan itu beliau berkata bahawa mereka yang terbabit tidak mengendahkan langsung aturan adat dan undang-undang negeri. Istiadat perlantikan ini ditaja oleh Dato' Fadzil, selaku Tua Lembaga Tiang Balai dan Dato' DAGang Paroi, Dato Mohd. Noor berserta dua lagi Dato' Lembaga Tiang Balai "Lama" iaitu Seri Maharaja Diraja haji Abd. RAZak Mohd. Jani dan Dato' Akhir Zaman Rantau Dato' Salehan Ismail.¹³

Perlantikan Raja Abd. Rahim ini telah mendapat bantahan dari waris di Darat Perut Hilir dan waris di Air.

Perkara ini telah dibawa kedalam mesyuarat Khas Dewan Keadilan dan Undang dan Dewan telah memutuskan menolak perlantikan tersebut. Perkataan yang digunakan ialah 'tidak merestui' perlantikan tersebut Di dalam perkara-perkara seperti ini Dewan adalah mempunyai kuasa untuk merestui sesuatu perlantikan atau tidak.¹⁴ Pihak

13. Kedua-dua Dato' ini telah dipecat oleh Dato' Shahbandar.

14. Dato' Menteri Othman b. Baginda & Anor v. Dato' Ambi Syed Alwi b. Syed Idrus. (1981) 1 MLJ 29.

Dewan keadilan dan undang tidak memberi sebab penolakan tetapi dari apa yang diketahui oleh penulis puncanya ialah tiadanya kebulatan di kalangan waris berkenaan perlantikan tersebut.¹⁵ Penolakan ini jug berpunca dari tentangan Dato' Shahbandar dan dua orang Dato' Lembaga iaitu Dato' Seri maharaja Diraja Dato' Azman Jamlus dan Dato' Muda Labu Dato' Zainuddin b. Haji Abdullah.

Walaupun Dewan Keadilan telah mengistiharkan menolak perlantikan Raja Abdul Rahim namun anak waris di Darat tetap mempertahankan perlantikan tersebut sah di segi aturan adat Luak Sungai Ujong kerana mereka mengatakan ada kebulatan dikalangan 4 Dato' Lembaga Tiang balai yang lama. Istiadat perlantikan tersebut adalah selaras dengan kata adat yang berbunyi "Bulat lembaga menjadikan undang" dan dengan itu soal Dewan keadilan menolak perlantikan berkenaan tidak timbul sama sekali. Mereka telah menggariskan tiga sebab utama kenapa perlantikan Raja Abdul Rahim tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.¹⁶

15. Temuramah penulis dengan Dato-Dato' Lembaga

16. Berita Harian, 3.7.1986.

- i. Raja Abd. Rahim adalah waris yang sah disegi aturan adat Luak Sungai Ujong.
- ii. Beliau tidak cacat kerana aturan adat tidak membenarkan seseorang anak waris yang cacat memegang pesaka.
- iii. Walaupun beliau berketurunan Raja, teromba adat Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa seseorang anak waris yang berketurunan raja boleh menyandang pesaka Dato' Kelana. Contohnya Allahyarham Dato' Kelana Syed Abd. Rahman Syeh. Ahmad daripada Perut Hilir yang diistiharkan sebagai Undang Luak Sungai Ujong pada tahun 1974. Allahyarham adalah keturunan Raja Sumatra.

Dewan keadilan dan undang ketika di minta oleh penulis, enggan mengulas dengan lebih lanjut lagi berkenaan perkara tersebut. Walaupun Dewan menolak perlantikan atau dalam ertikata lain tidak "merestui" perlantikan¹⁷ Raja Abd. Rahim, penolakkan ini masih lagi dipertikaikan oleh

17. Untuk maksud "merestui" lihat kes : Dato' Menteri Othman b. Baginda v. Dato Ambi Syed Idrus:(1981)1 MLJ 29.

anak-anak waris Perut Hulu kerana tiada hitam putih tentang penolakan tersebut.

Ketika kes Raja Abd. Rahim masih hangat diperkatakan, seorang lagi anak waris dari Perut Hulu dari Rumpun Dusun, En. Samsur Haji Sulaiman telah diisytiharkan sebagai Penyandang pesaka Dato' Kelana.¹⁸ Penisytiharan ini dibuat oleh ibu sako merangkap ibu kepada En. Samsur pada 2. Julai. 1987. Perlantikan ini bermakna Luak Sungai Ujong mempunyai 2 orang undang dan ini mengeruhkan lagi keadaan dan ini memungkinkan kes perlantikan ini tidak akan dapat diselesaikan.

Perlantikan 'mengejut' ini telah mendapat bantahan dari anak waris negeri Perut Hulu kerana mereka berpendapat bahawa anak waris dari Rumpun Dusun adalah waris lingkungan dan dengan itu mereka tidak layak menyandang pesaka Dato' Kelana ke 10. Dato' RAzak berkata pengisytiharan itu bercanggah dengan keputusan kerapatan adat yang memutuskan bahawa Rumpun Dusun adalah waris lingkungan.¹⁹ Kenyataan ini telah disangkal oleh Rumpun Dusun dengan menyatakan

18. Berita Harian, 3.7.1987.

19. Temuramah dengan Dato' Johan Dato' Razak.

istilah waris Lingkungan sebenarnya tidak wujud dikalangan anak-anak waris Perut Hulu. Ia hanya wujud dikalangan Perut Hilir sahaja iaitu waris Kampung manggis.

Krisis ini terus meruncing apabila En. Samsur telah berjaya "menceroboh dan menawan" Balai Undang. En. Samsur tetap berkeras menyatakan bahawa beliau adalah undang yang sah, walaupun DEwan menolak dan tidak merestui perlantikan tersebut. Tindakan En. Samsur memasuki Balai Undang telah mengejutkan banyak pihak. Pada mulanya beliau enggan meninggalkan balai Undang, tetapi setelah tinggal beberapa hari, akhirnya beliau bersetuju untuk meninggalkan Balai Undang Tersebut.

Dari perlantikan kedua-dua mereka di atas, Dewan nampaknya tidak membuat apa-apa tindakan yang sewajarnya. Apa yang dilakukan hanyalah menolak tanpa memberi alasan yang memuaskan hati pihak-pihak yang terlibat. Jika sikap begini terus diamalkan nescaya di masa-masa lain akan ada pula waris yang mengisytiharkan perlantikan undang mereka. Ini sudah pastilah akan merumitkan lagi keadaan yang sedia ada. Perkembangan ini sudah pasti sedikit sebanyak akan

menjejaskan usaha-usaha untuk memutuskan satu jalan penyelesaian yang menyeluruh terhadap krisis tersebut. Soal perlantikan Dato Kelana ke 10 ini seolah-olah sudah menjadi satu isu yang sensitif kepada semua pihak yang berkenaan terutama anak-anak waris sendiri berikutan berlakunya peristiwa seperti 'merampas' Balai Undang dan sebagainya.

Krisis perlantikan terus menemui jalan buntu dengan adanya permintaan dari pihak-pihak berkenaan untuk menggantung jawatan Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Padi. Kedua-dua Dato' ini adalah merupakan Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong dan Dato' Andika Mendelika Fadzil B. Nordin adalah merupakan Tua kepada Lembaga-lembaga berkenaan. Mereka telah dilantik oleh Dewan Keadilan dan Undang bagi melicinkan proses pemilihan benih untuk jawatan Undang Luak Sungai Ujong. Dato' Andika bertindak sebagai ketua di mana bidang tugasnya di antara lain termasuk menyelaraskan pemilihan calon-calon yang difikirkan layak untuk mengisi kekosongan jawatan berkenaan. Anak-anak waris ~~fasak~~ di Darat daripada Perut Hilir dan Hulu menyatakan keputusan itu telah dicapai dalam satu kerapatan adat yang dihadiri oleh anak-anak waris berkenaan di Balai

Undang Luak Sungai Ujong pada 8. Mac, 1986. Menurut jurucakap mereka, kedua-dua Dato' Lembaga itu tidak lagi layak menyertai sebarang urusan adat termasuk perlantikan Dato' Kelana. Tiga sebab utama telah diberikan mengapa kedua-dua Dato' Lembaga tersebut mesti digantung jawatan mereka:

- i) Dato' Fadzil melakukan pelbagai tindakan yang bertentangan dengan aturan adat Luak Sungai Ujong khususnya berhubung urusan pemilihan Dato' Kelana Ke-10. Kata adat "lucut pesaka kerana perbuatan, landasan ada diikuti tidak, adat lembaga dialih anjak."
- ii) Beliau sudah cacat anggota. Aturan adat Luak Sungai Ujong menggariskan jika seseorang yang cacat sendang menyandang pesaka maka cacatlah ia disegi adat dan dengan itu tidak layak lagi menyandang pesaka.
- iii) Dato' Fadzil sehingga kini masih enggan berkerjasama dengan Dato'-Dato' Lembaga yang sah dalam urusan mencari Dato' Kelana Ke-10. Beliau dianggap menjadi batu penghalang dalam usaha mencari

kata sepakat mengenai soal perlantikan Undang Luak yang baru. Beliau juga dikatakan melanggar pantang larang adat kerana menggagalkan rancangan Dato' Lembaga untuk mengadakan perbincangan pada 7.9.1985. Beliau dikatakan telah mengunci Balai Undang.

Dato' Maharaja Iela di dalam suratnya kepada Dato Bandar - (lihat lampiran) mensifatkan Dato' Andika sebagai telah gagal menjalankan tugas mencari ganti undang yang baru dalam masa 100 hari. Beliau (Dato' Nika), dikatakan melewati-lewatkan perlantikan atas tujuan menangguk laba - bak kata pepatah "orang beradat tak tahu akan adatnya" Dato' Nika dikatakan telah mula melangkah sumbang.

*"Menghilir melonjak,
Mudik mengacau,
Menyukai tanah dan laba,
Membuat dosa besar,
Menangguk di air keroh,
Memasang jerat ditempat genting".*

Beliau dikatakan tidak lagi memakai konsep "Bulat air kerana pembetong, " malah perbuatannya sebagai ketua adat banyak terkeluar dari garisan adat yang menjadi pedomannya

"pesaka hendak dijual beli,
 malu nak diagih,
 ibarat lunar masam sekerat,
 ibarat perahu karam sekerat,
 ibarat puak condong ke perut,
 tiba di mata di perbincangkan
 tiba diperut dikempiskan."

Dato' Maharajalela seterusnya menyatakan
 memandangkan Dato' Andika telah cacat :

"pada adat menimbulkan yang baru,
 menghilangkan yang buruk,
 pada syarak menyuruh berbuat baik,
 menegah membuat yang mungkar,
 yang usang diperbaharu,
 yang elok dipakai,
 yang buruk dibuang."

Kalau yang buruk disimpan juga bermakna
 mencacatkan adat namanya, tetapi jikalau
 disingkirkan bererti kemantapan adat itu tetap
 dipelihara dari anasir-anasir yang akan
 merosakkan. Beliau juga berpendapat Dato' Andika
 sudah tidak mampu menyempurnakan tugasnya sebagai
 Ketua Adat.

Permintaan untuk menggantung jawatan
 tersebut telah dibantah oleh sebahagian anak waris
 Tasak dari Perut Hilir Dan Hulu. Mereka
 menyatakan soal penggantungan jawatan adalah
 terkeluar daripada bidangkuasa Dewan Keadilan dan
 Undang. Aturan Adat Luak Sungai Ujong
 menggariskan bahawa bidang kuasa tersebut terletak

ditangan undang selaras dengan kata adat "Gantung tak bertali, salai tak berapi". Dewan Keadilan dan Undang tak berhak mengubah atau mengalih aturan Luak Sungai Ujong. Sebarang perubahan dan pindaan hanya boleh dilakukan jika ada kebulatan dari anak waris di Air dan di Darat dengan persetujuan Undang Luak Sungai Ujong. Semasa ketiadaan Dato' Kelana, aturan adat Luak Sungai Ujong memberi kuasa kepada Dato' Lembaga Tiang Balai yang diketuai oleh Dato' Andika untuk mentadbir segala urusan adat.²⁰

Pada hemat penulis, jawatan Dato' Nika tidak berhak digantung. Ini disaksikan dan dialami sendiri oleh penulis, apabila orang ramai yang menuntut pesaka masih lagi berurusan dengan Dato' Nika hingga ke hari ini. Berkenaan cacat pula, pada pendapat penulis seseorang itu tidak berhak memegang jawatan di dalam adat jika sekiranya ia cacat sebelum perlantikan bukannya setelah perlantikan. Penulis tidak mempunyai bukti untuk menyokong kenyataan ini. Janganlah kita jadi seperti kata orang dahulu " sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi"

20. Temuramah dengan Dato' Andika.

kecacatan yang berlaku bukannya kecacatan fikiran tetapi hanyalah anggota, beliau masih mampu untuk berfikir dengan fikiran yang waras.

Jika sekiranya jawatan Dato' Nika digantung sudah pastilah urusan adat yang sedia ada akan bertambah kusut dan bertambah sukar. Ini akan membuat adat semakin kebelakang dan menyukarkan.

Perkara seterusnya yang menyebabkan krisis perlantikan ini tidak dapat diselesaikan ialah 'pemecatan' terhadap Dato' Shahbandar Dato' Shaari. Kerapatan waris di Air itu juga selain dari memutuskan untuk memecat Dato' Shahbandar juga memutuskan Dato' Seri Maharaja Diraja Dato' Haji Abd. Razak Mohd. Jamil adalah Dato' lembaga Tua waris di Air. Beliau telah dipecat oleh Dato' Shahbandar kerana beliau membantah perlantikan Dato' Shahbandar secara terbuka. Luak Sungai Ujong mempunyai 4 orang Dato' Lembaga iaitu 2 orang Lembaga bagi waris di Darat dan 2 lagi bagi waris di Air. Untuk melantik Undang, kebulatan empat lembaga ini diperlukan.

Kerapatan tersebut juga menyatakan pentadbiran yang dijalankan oleh Dato' Shaari

tidak berjalan licin dan beliau dikatakan terlalu banyak mencampuri urusan-urusan yang tidak sepatutnya. Walaupun Dato' Shaari diiktiraf oleh Dewan Keadilan dan Undang namun kedudukannya adalah pincang kerana ketiadaan Dato' Tiang Balai yang lengkap sewaktu proses perlantikan beliau dahulu.

Ekoran 'pemecatan' ini Tiang-Tiang Balai dan Ketua Adat Waris di Air telah mengadakan satu kerapatan dan hasilnya mereka membantah 'pemecatan' tersebut. Mereka menyifatkan perbuatan tersebut boleh menimbulkan ketegangan dikalangan anak-anak Waris di Air. Mereka juga mempersoalkan bagaimana Tiang Balai yang telah dipecat - Dato Seri maharaja dan Dato' Akhir Zaman boleh mengadakan kerapatan adat dan kemudiannya memutuskan untuk memecat Dato' Shaari. Pemecatan itu juga dipertikaikan dari segi aturan adat kerana 2 diantara 4 Tiang Balai tersebut adalah daripada kalangan anak-anak waris di Darat.

Pertikaian ini telah terjawab apabila Dato' Seri Maharaja (lama) menyatakan beliau tidak pernah dipecat oleh Dato' Shaari kerana pemecatan beliau hanya dibuat oleh Dato' Shaari bukannya dari kebulatan waris di Air. Kehadiran Dato'

Lembaga waris di Darat adalah bertujuan mengukuhkan bahawa beliau sebagai penyandang pesaka yang sah. Jadi tidak timbul masalah "lubuk orang jangan dikacau, sena tanaman orang jangan di tebang pangkal". Walaupun begitu perlantikan Dato' Shaari tidak boleh dipertikaikan kerana telah mendapat restu Dewan.

Penulis memasukkan masalah ini kerana perlantikan undang ada kait mengait di antara waris di Air dan di Darat seperti yang dikatakan

*"Kusut di Air, di Darat menyelesaikan,
Kusut di Darat, di Air menyelesaikan."*

Dato' Shahbandar dalam kes ini bertindak mengisytiharkan calon yang layak. Beliau tidak boleh campur tangan secara langsung di dalam pemilihan undang. Jadi, jikalau tiada Dato' Shahbandar, timbul pula persoalan, siapa yang akan mengisytiharkan perlantikan tersebut.

Kalau diteliti laporan-laporan akhbar, maka kita nampak kekecohan dan perjalanan Adat adalah berbangkit daripada tindak tanduk pihak-pihak yang bersaing dan bersendirian iaitu berlumba-lumba melantik calon masing-masing. Cara ini adalah bersalahan dengan hakikat dan

matlamat Adat yang sejati. ADat mahu pengikut-pengikut nya menghadapi sebarang masalah dengan tenang dan seterusnya bertindak dengan penuh kesopanan mengikut landasan dan alur yang telah ditetapkan dari zaman berzaman. Jika sekiranya sesuatu peraturan atau adat itu tidak lagi sekali memandangkan keadaan akan moden disekelilingnya, maka ia boleh dipinda ataupun dimansuhkan sama sekali dengan syarat pihak-pihak berkenaan sebulat suara berbuat demikian menepati prinsip "hilang adat kerana muafakat."

Tindakan terburu-buru untuk membalas dendam atau menunjukkan tenaga kuasa masing-masing seperti pecat memecat adalah pantang larang adat, memangnya seseorang pemimpin Adat itu boleh dipecat daripada jawatan pesakanya jika sekiranya dia telah melakukan suatu perbuatan yang sumbang kepada Adat, tetapi soalnya, Siapakah yang boleh memecat pemimpin adat? Andai kata bolehkah seorang Dato' Lembaga memecat seorang Dato' Lembaga yang lain dan bolehkah seorang penghulu luak yang perlantikannya sedang dipertikaikan mencampuri tindakan memecat pemimpin Adat yang tidak merestui perlantikannya. Seorang pemimpin yang bijak dan matang itu tidak mahu melakukan

sesuatu yang mengeruhkan lagi keadaan yang sedang keruh atau bergelora. Perbilangan adat berkata "sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan" atau

*"ko keroh dijernihkan,
kok kusut diselesaikan,
Adatnya diatas,
muafakanya esa,
Pesakanya bulat,
Pesaka satu sama dijinjing."*

Seperkara lagi yang menyebabkan krisis ini berlarutan ialah adanya tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh waris-waris Perut Hulu dari Rumpun Tinggang, Dusun, Nyonya dan Setul. Mereka ini disifatkan oleh Tua Perut Hulu sebagai waris lingkungan dan tidak berhak menjawat sebarang jawatan.²¹ Rumpun Tinggang sebagai contohnya menyatakan mereka tidak pernah menyandang pesaka yang sudah wujud di Luak Sungai Ujong selama lebih 500 tahun. Mereka jug mendakwa hak mereka dinafikan kerana "putar belit" yang dilakukan oleh Undang ke-8, Allahyarham Dato' Kelana Makmur Dato' Menteri Kassim. Permohonan ini telah disangkal oleh anak-anak waris Tasak di barat daripada Perut Hulu dengan mengatakan Rumpun Tinggang tidak

21. Berita Harian : 10.9.1986.

ada tercatat dalam salasilah Adat Luak Sungai Ujong dan dengan itu soal mereka hendak menuntut pesaka tidak timbul sama sekali.

Rumpun tânggang, Dusun, Nyanyai menolak dakwaan yang menyatakan mereka adalah waris lingkungan dan dengan itu tidak berhak menyandang pesaka. Mereka ber pendapat soal anak-anak waris lingkungan perlu diperjelaskan secara terperinci oleh Dato-Dato' Lembaga Tiang Balai kerana ia dianggap sebagai salah satu faktor yang menyebabkan krisis perlantikan Dato' Kelana ke-10. Anak-anak waris ini meminta supaya isi kandungan Teromba diuruskan namun permintaan ini tidak dipedulikan oleh Dato'-Dato' Lembaga. Mereka juga mendakwa terdapat orang-orang tertentu yang mempunyai kepentingan telah memalsukan isi kandungan teromba ini. Pemalsuan itu adalah bertujuan untuk memberi kuasa yang tidak terbatas kepada Dato' lembaga dalam urusan perihal Undang Luak Sungai Ujong.

Walau apa pun penafian tentang hak menyandang pesaka namun ianya tidak diendahkan oleh Dewan Keadilan dan Undang. Buktinya laporan akhbar pada 21.4.87 memaparkan Dewan meminta senarai calon yang baru kerana dikatakan tidak

berpuashati dengan senarai yang ada kerana ia hanya mengandungi nama empat nama anak waris Perut Hulu daripada Rumpun Bayu. Ini bermakna Rumpun Tinggang, Dusun, Nyonya dan setul berhak mencalonkan senarai calon masing-masing.

Walaupun ada ura-ura yang menyatakan Rumpun Tinggang akan dilantik sebagai Undang ke-10 namun sehingga ke hari ini masih belum ada keputusan di buat mengenai siapakah yang layak untuk menyandang pesaka tersebut.

Penulis tidak dapat menghuraikan berkenaan rumpun-rumpun ini dengan lebih lanjut kerana penulis tidak dapat kerjasama yang sepenuhnya dari pihak-pihak tertentu dan kesukaran untuk bertemu dengan mereka.

Kesimpulan.

Krisis perlantikan ini susah untuk diselesaikan kerana di peringkat awal lagi telah terdapatnya bukti-bukti yang menunjukkan tiadanya kebulatan dari Dato'-Dato' Lembaga tentang calon yang layak terhadap jawatan tersebut. Kata muafakat tidak lagi digunakan kerana masing-masing mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza mengenai seseorang calon yang layak. Tambahan

pula ramai anak-anak waris yang seolah-olah lupa, adat yang ada pada hari ini bukan sekadar boleh di selesaikan dalam adat sahaja tetapi menyangkut hal-hal lain.

Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah sebagai penyambung zaman yang mana ia mencerminkan masyarakat melayu lama yang mementingkan budi kesopanan dan semangat muafakat tanpa mengira siapa dan di mana. Seseorang tidak harus mempersoalkan dari Perut mana seseorang penyandang itu datang asalkan dari waris yang mempunyai hak untuk menyandang pesaka berkenaan.

7. Khoo Kay Kim : The Western Malay States,
Oxford University Press, Kuala Lumpur 1972.
8. Lister, Martin : Malay Law in Negeri Sembilan, JSBRAS, 1890.
9. Nordin Selat, Dr : Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
10. Ooi Jin Bee; Bumi, Penduduk dan ekonomi Tanah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.
11. Taylor, E.N. : Customary Law of Rembau, JMBRAS, 1929.
12. Winstedt, R O : Sejarah Melayu, Singapura 1957.
13. Winstedt, R O : Negeri Sembilan, The History, Polity and Belief of Nine States, JMBRAS, 1934.
14. Wilkinson, R J : Notes on the Negeri Sembilan, Paper on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1911.
15. Zainal Abidin b. Ahmad : The Origin of some Malay Place Names, JMBRAS, 1925.

KERTAS KERJA.

1. Abdullah b. Hj. Siddik, Dr : Adat dan Modenisasi, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.
2. Abdul Samad Idris, Tan Sri Dato : Secebis mengenai Adat Perpatih, Seminar Adat Perpatih, PERMANIS, UKM, 1988.
3. Taha Hj. Abdul Kadir, Prof. Madya : Dilema yang wujud dalam masyarakat Adat Perpatih masa kini, Seminar Adat Perpatih, PERMANIS, UKM, 1988.
4. Nordin Selat : Pemimpin dalam Adat Perpatih, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.
5. Md. Sharif b. Fakeh Hassan : Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan kaitannya dengan Minangkabau, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.

6. Samad Idris, Tan Sri : Kemurnian dalam Adat Perpatih, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.

Artikel :

1. Abdul Kadir Yusof : Mengenal Adat Perpatih, Dewan Masyarakat, April, 1972.
2. Ghazali Abdul Kadir : Asal Usul Luak Sungai Ujung, Berita Harian, Disember, 1985.
3. Mohammad Ibrahim, Kemanakah Hilangnya Kemuafakatan Adat, Berita Minggu, 1985.

Laporan Akhbar :

1. Berita Harian :
 - 15. 11. 1985
 - 16. 11. 1985
 - 11. 12. 1985
 - 14. 12. 1985
 - 17. 12. 1985
 - 19. 12. 1985
 - 21. 12. 1985
 - 3. 7. 1986

10. 9. 1986

6. 1. 1987

28. 1. 1987

14. 4. 1987

3. 7. 1987

2. Berita Minggu : 9. 3. 1986

22. 12. 1988

Wawancara

1. Dato Johan Dato Razali b. Abdul Khalid

Tua Waris Perut Hulu

Batu 8, Labu

Seremban

Negeri Sembilan

2. Dato Andika Mendelika Fadzil b. Nordin

Tua Lembaga Luak Sungai Ujung

Batu 7, Kampung Pantai

71770 Seremban

Negeri Sembilan

3. Tuan Haji Ghazali
Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang
Wisma Negeri
Seremban.

Dato' Maharaja Lela,
Zamhari bin Haji Abdul Halman,
Tua Lembaga Waris Kelana,
Lorong 5, Kampung Baru Pantai,
Seremban,
NEGERI SEMBILAN.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1406... 17 صفر

21hb. Oktober, 1986

Qauluhu 'l-hak

Y.A.H.,
Dato' Shahbandar Sungai Ujong,
Dato' Sha'ari bin Haji Hassan,
Balai Shahbandar,
Kampung Bolangkan,
NEGERI SEMBILAN.

Per: PERLANTIKAN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG YANG KE-10

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, bahawa saya Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lembaga Waris Kelana, adalah dengan takzim menyusulkan warkah ini sebagai lanjutan kepada 'Memorandum' yang telah saya hantar kepada Dato' pada 29hb. Jun, 1985.

2. Berpandukan kepada peraturan 'adat istiadat' Luak Sungai Ujong dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 serta berpandukan kepada 'Memorandum' yang telah saya hantar kepada setiap yang terlibat dalam perkara perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini bahawa dari segi peraturan 'adat istiadat' Luak Sungai Ujong sebagai Tua Lembaga Waris Kelana saya memperakukan bahawa pesaka itu masih tetap dihilir atas sebab musabab yang ditentukan oleh 'adat, keadaan dan keadilan yang diselaraskan dari kata-kata 'adat yang berbunyi:-

" Kalau membahagi sama banyak
Kalau menimbang sama berat
Kalau menghukum biar 'adil."

Firman Allah:-

إِنَّ اللَّهَ بَالٍ بِمَرِّ الْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيَّاهُ لِي الْقَرِيبِ
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالنَّكَرِ وَالْبَغْيِ بِعَظَمِ لَعَلِّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Ertinya:-

Sesungguhnya Allah menyuruh melakukan ke'adilan dan berbuat kebajikan memberi munaf'at kepada kaum kerabat dan melarang dari berbuat yang keji dan munjkar serta kezaliman. Dia memberi kamu pengajaran mudah-mudahan kamu mendapat peringatan."

3. Memandangkan dari sebab musabab yang timbul serta diperkuatkan oleh suasana-suasana yang berlaku dari perbuatan-perbuatan curang, khianat, percabulan, tamak dan penyelewengan oleh ketua-ketua 'adatnya sendiri menggunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan diri menyebabkan krisis perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini berlanjutan hampir masuk tahun yang ketiga; sewajarnya apa yang telah dilakukan oleh Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin yang terang-terang mencabar keutuhan Dewan Keadilan dan Undang sebagai Dewan Tertinggi Adat dinegeri ini. Beliau tanpa mematuhi sebarang peraturan Undang-Undang sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat, Beliau telah menggunakan kuasanya melaksanakan perlantikan Undang mengikut selearanya. Pada hal mengikut 'adat istiadat Luak Sungai Ujong yang sebenarnya bahawa penentuan pemilihan Undang pada dasarnya adalah ditangan Ibu-ibu Soko dan Waris-Waris. Tua Waris (iaitu saya sendiri) berperanan sebagai ketua dan saya adalah saluran pertama dalam menentukan pencalonan.

Dalam 'adat dikatakan:-

' Adat bertentu bilang beratur
 Berjenjang naik bertangga turun
 Naik dari jenjang yang dibawah
 Turun dari tangga yang diatas

Dalat anak buah menjadikan Duapak
 Dalat Duapak menjadikan Lembaga
 Dalat Lembaga Menjadikan Undang
 Dalat Undang Menjadikan Raja (Yang DiPertuan)

Undang bertapak dari Warisnya
 Gemuk berpupuk segar bersiram
 oleh Warisnya
 Kalau diHulu menyandang pesaka
Dato' Johan Tua Warisnya *

Kalau diHilir menyandang pesaka
Dato' Maharaja Lela Tua Warisnya *

Dalam 'adat saya dibantu oleh Lembaga Yang Tiga ia-itu:-

1. Dato' Menteri (Suku Semelenggang)
2. Dato' Raja Dimuda (Suku Biduanda)
3. Dato' Maharaja Inda (Suku Batu Hampar)

Akan Lembaga Yang Tiga ini fungsinya dikenali mengikut kata-kata Perbilangannya 'adatnya:-

" Menebang kayu nan sebatang
 Mencanteh akar nan selalai
 Melambuk tanah nan sebungkah
 Membuka-belah negeri berpenghulu."

4. "Olih itu apa yang ingin saya jelaskan kepada Dato' yang sebenarnya bahawa dalam soal menentukan seseorang calon Undang mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 dan mengikut Trombo Adat Luak Sungai Ujong ia ada beberapa peringkat yang mesti dilalui sebelum seseorang calon itu diisytiharkan (sila rujuk kembali) Memorandum saya kepada Dato' bertarikh pada 29hb. Jun, 1985 yang saya percaya masih ada lagi dalam simpanan Dato' Muka Surat 20-24 yang bertajuk, " Kedudukan Dan Peranan Dato' Dato' Dalam Pemilihan Undang Luak Sungai Ujong ."

Olih itu adalah menjadi tugas kita bersama mematuhi setiap peraturan dari yang serendah-rendahnya sehinggalah kepada yang tertinggi-tingginya, apa lagi jika peraturan-peraturan itu telah ditentukan oleh pihak Dewan Keadilan sendiri sebagai Dewan Tertinggi 'Adat berasaskan peraturan-peraturan serta Undang-Undang yang sudah termaktub sebagaimana yang dijelaskan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 Bab 5 Cerai 14 (1) yang berbunyi :-

" Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau, hendaklah orang-orang yang dipilih dengan sahnya menurut 'adat' Luak mereka masing-masing."

5. SENARAI NAMA-NAMA UNDANG LUAK SUNGAI UJONG

1. Dato' Kelana Rador	Tahun 1760	Perut Hulu	} 1 1/2
2. Dato' Kelana Lela	Tahun 1780	Perut Hulu	
3. Dato' Kelana Dahi	Tahun 1800	Perut Hilir	} 1 1/2
4. Dato' Kelana Kawal	Tahun 1830	Perut Hulu	
5. Dato' Kelana Sendeng	Tahun 1850	Perut Hulu	} 2 1/2
6. Dato' Kelana Syed Abd. Rahman	Tahun 1872-1881	Perut Hilir	
7. Dato' Kelana Mohd Yusof	Tahun 1881-1889	Perut Hilir	} 2 1/2
8. Dato' Kelana Ma'amor	Tahun 1889-1945	Perut Hulu	
9. Dato' Kelana Mohd Kassim	Tahun 1945-1983	Perut Hilir	} 1 1/2

Nota:

Perut Hulu telah menyandang pesaka Kelana 5 kali

Perut Hilir telah menyandang Pesaka Kelana 4 kali

6. Berpanduan kepada senarai diatas dalam masa 'alah penentuan giliran ia tidak semestinya sekali keHulu dan sekali keHilir malah biasa digilirkan dua kali keHulu dan dua kali keHilir. Oleh itu setelah dikaji dan dirundingkan dengan Lembaga Yang Tiga saya dapati banyak fakta-fakta yang lainnya maka pesaka itu wajib pada kali ini dibawa keHilir. Tindakan ini saya lakukan adalah atas sebab-sebab yang disebutkan dibawah ini:-

1. Perut Hulu ketiadaan Tua Lembaga Waris Kelana iaitu Dato' Johan. Pesaka yang terbenam ini tidak ditimbulkan kembali (tidak diujudkan).
2. Sesuatu tindakan yang dilakukan oleh sebahagian Waris Hulu adalah membelakangkan saya sebagai Tua Lembaga Waris Kelana.
3. Seluruh Waris-Waris Perut Hulu ini terus menerus bersengketa sejak dari Dato' Johan dipecat oleh Ibu Sokonya lebih kurang 10 tahun yang lalu. Saya sendiri telah beberapa kali cuba menyelesaikan masa 'alah mereka namun mereka seolah-olah tidak mahu bersesuai sehinggalah saya mengambil tindakan-tindakan wajar setelah saya dapati mereka berpuak-puak dimana puak yang diterajui oleh Dato' Andelika Mendolika Bersama-sama Lembaga yang terpecah terus melaksanakan perlawanan Undang pada 8hb. Mac. 1986 tanpa merundingkannya dengan dua lagi Lembaga Tiang Balai yang diakui sah oleh Dewan iaitu Dato' Sri Maharaja diRaja Azman Jamug dan Dato' Mida Labu Zainuddin Haji Abdullah termasuk saya sebagai Tua Lembaga Waris Kelana.

7. Dalam usaha saya bersama Lembaga Yang Tiga membawa dan menegakkan pesaka itu diHilir tidaklah bererti saya merampasnya malah adalah untuk menyelamatkannya. Peraturan Adat menentukan dalam mengatasi sebarang masa 'alah dikalangan Waris-Waris diDarat diwaktu-ketiadaan salah seorang Tua Lembaga Waris Kelana seumpama Dato' Johan (Perut Hulu) maka disegi 'Adatnya hanya Tua Lembaga Waris Kelana yang ujud sahaja yang boleh mengambil tugas yang seorang lagi. Oleh itu sebagai Tua Lembaga Waris Kelana terpaksa saya menjalankan tugas, itu pun disebabkan ketiadaan Dato' Johan membolehkan saya bertindak demikian.

Sebenarnya Waris-Waris Perut Hulu ini pernah saya nasihatkan supaya Dato' Johan diujudkan kalau mereka hendakkan pesaka. Malah Dato' Andelika Mendolika juga telah memberikan nasihat terakhirnya kepada Waris-Waris Perut Hulu ini supaya mengujudkan pesaka Dato' Johan dimalam Jenazah Al-Marhum Dato' Kelana Mohd Kassim masih bersemadi diBalai Kebesaran Unklang sebelum istiadat permakaman dijalankan pada keesokan harinya.

Hamun dalam mesyuarat yang diadakan pada malam itu meroka tidak juga mencapai kata sepakat dan membuat keputusan. Dalam waktu yang sama pada malam itu saya selaku Tua Lembaga Waris Kelana telah diberi mandat oleh Ibu-ibu Soko, Waris-Waris Perut Hulu dan Perut Hilir supaya melantik dan mengisytiharkan Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil b. Hordin sebagai 'Pemangku Undang Luak Sungai Ujong' sementara mencari ganti Undang yang baharu.

Tugas ini telah saya jalankan dengan penuh istiadat di-malam yang bersejarah itu. Tetapi amat malang kiranya selepas peristiwa itu, Dato' Pemangku Undang yang diamanahkan oleh seluruh Waris-Waris untuk menjalankan tugas mencari ganti Undang yang baharu dalam masa 100 hari telah mengabaikan tugasnya. Seterusnya beliau melewati-lewatkan perlantikan atas tujuan menanggung laba. Nafsunya sudah tidak dapat dikawal lagi maka berlakulah apa yang dikatakan "Orang ber-adat tak tahu akan 'adatnyanya". Bahkan segala tindak-tanduknya sudah tidak ikut peraturan lagi. Dato' Andelika Mendelika sudah mula melangkah zumbang.....

" Menghilir melonjak
Mudik mengacau
Menyukai tamak dan laba
Membuat dosa besar
Menanggung diair keruh
Memasang jerat ditempat genting.."

Konsep " Dulat air kerana pembetong " sudah tidak dipakai lagi oleh beliau malah segala perbuatannya sebagai Ketua 'adat sudah banyak ter-keluar dari garisan 'adat yang menjadi pedomannya:-

" Posaka hendak dijual beli
Malu nak diagin
Ibarat limau masam sobolah
Ibarat perahu karam sakarat
Ibarat puar condong keperut
Tiba dimata dipicingkan
Tiba diperut dikempiskan.."

Maka terlibatlah dalang-dalang 'adat bersama-sama Dato' Andelika Mendelika yang sudah hilang pedoman yang terdiri dari :-

1. En. Razali bin Khalid (Bekas Dato' Johan).
2. Haji Abd. Razak bin Jani (Bekas Dato' Sri Maharaja di-Raja).
3. En. Salehan bin Ismail (Bekas Dato' Akhir Zaman).
4. Dato' Mohd Nor Abdullah (Dato' Dagang Paroi).

Meroka ini bolihlah dianggap sebagai " Ayam jantan jagoh direban ,
kokok berderai ekor bergelombang tahi

8. Pada Ahb. Mac, 1986 bersamaan hari Selasa saya sebagai Tua Lembaga Waris Kelana telah dapat mengumpulkan Waris-Waris di Darat Perut Hulu dan Perut Hilir termasuk Ibu-ibu Soko, Duapak-Duapak, seterusnya Lembaga-Lembaga Luak Sungai Ujong di Balai Undang. Dan dalam masa yang sama juga telah mempersilakan Dato' ke Balai Undang sebagai Penasihat dalam majlis kerapatan kami Waris-Waris di darat bagi membincangkan soal perlantikan Undang Luak Sungai Ujong. Disamping itu saya juga telah mempersilakan kesemua Lembaga Tiang Balai dalam kerapatan itu, kerana sebelum ini Dato' Andelika Mendolika langsung tidak memberikan peluang hatta kepada Dato' sebagai Dato' Shahbandar Sungai Ujong menjejak Balai Undang. Ini terbukti dari tindakan beliau mengunci pintu Balai Undang pada 7hb. September, 1985 bersamaan 23hb. Zulhijjah, 1405.

9. Hasrat Dato' sebagai Dato' Shahbandar Sungai Ujong yang ingin mengadakan kerapatan mengokoh 'adat dengan Dato' Dato' Lembaga Tiang Balai, Dato' dato' Lembaga yang lainnya dan Duapak-Duapak Waris di darat telah digagalkan sama sekali oleh Dato' Andelika Mendolika. Tetapi hasrat saya sebagai Tua Lembaga Waris Kelana Sungai Ujong telah dapat saya jayakan sekali pun ada tentangan dari Dato' Andelika Mendolika. Dari apa yang saya lakukan ini adalah terbukti dengan terang dan nyata bahawa kabupaten Waris-Waris di darat adalah padu dibelakang saya dengan tidak boleh dipertikai lagi oleh mana-mana pihak. Saya telah diberi mandat sebagai Tua Lembaga Waris Kelana yang memegang teraju seluruh Waris-Waris di darat khususnya Waris Kelana dalam menentukan hak yang dilindungi oleh Undang-Undang dan Perlembagaan negeri ini.

Dengan kebenaran dan perpaduan inilah juga saya telah mendapat sokongan sepenuhnya dari sebilangan besar Waris-Waris di darat yang sudah hilang kepercayaan kepada Dato' Andelika Mendolika. Dan saya kira dengan keadaan ini saya dapat menborikan kerjasama terhadap Dato' sebagai penasihat untuk menyelesaikan masa'alah perlantikan Undang. Pendapat dan tindakan saya telah Dato' Akui dan juga telah dipersetujui sebulat suara dalam kerapatan pada Ahb. Mac, 1986 itu sebagai Wakil rasmi anak-anak Waris di darat yang akan menghadirkan diri dalam semua perbincangan oleh Lembaga-Lembaga Tiang yang berhak sahaja dalam perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

Selain dari itu kerapatan juga telah mengambil keputusan memberi tempoh selama dua minggu dari tarikh kerapatan diadakan kepada Waris-Waris Dato' Andelika Mendolika bagi menentukan kedudukan beliau sebagai Tiang Balai utama Sungai Ujong kerana beliau telah mengalami cacat anggota selain dari cacat perbuatan menongapikan 'adat. Kecacatan anggotanya adalah disebabkan beliau terbabit dalam satu nahas jalan raya dalam bulan Disember, 1985. Kaki Kiri Dato' Andelika Mendolika Mohd Fadzil bin Nordin bermula dari pahanya terpaksa dipotong (dikudungkan) kerana nahas itu.

Firman Allah:-

وَقِيلَ لِلظَّالِمِينَ ذُوقُوا مَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ فَاتَهُمُ
الْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ، نَذَاتَهُمُ اللَّهُ الْخِزْيَ نِي
الْحَبْوَةِ الدُّنْيَا وَلِلْعَذَابِ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ .

Bertinya:-

- " Dan telah dikatakan kepada orang-orang yang aniaya, rasailah olinmu balasan apa-apa yang telah kamu lakukan, lalu mereka ditimpa siksa sedang mereka tidak sedar, Lalu Allah jadikan mereka hina semasa hidup didunia sedang siksa akhirat terlebih besar 'azabnya jika mereka mengotaluinya."

Kesimpulannya Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Hordin telah mengalami kecacatan anggota. Hukum Allah telah berlaku keatasnya. Dari segi hukum 'adat pula sama ada mengiktirafnya atau pun menyingkirkannya terpulanglah kepada budi bicara setiap orang yang memegang teraju 'adat, tetapi apa yang anat jelas dan nyata Kurbilangan 'adat ada menyebut:-

- " Pada 'adat menimbulkan yang baik
Menghilangkan yang buruk
Pada Syarak menyuruh buat baik
Menegah membunt yang mungkar
Yang usang diperbaharui
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang."

Kalau yang buruk disimpan juga bermakna mencacatkan 'adat namanya, tetapi kalau menyingkirkannya bererti kemantapan adat itu tetap terpelihara dari anasir-anasir yang akan merosakkannya. Dan sebagai Tua Lembaga Waris Kelana saya berpendapat bahawa Dato' Andelika Mendelika sudah tidak mampu menyempurnakan tugasnya sebagai Ketua 'Adat iaitu Lembaga Tiang Balai Utama Sungai Ujong; Bahkan tindakan seterusnya eloklah dipulangkan kepada ketetapan dan tindakan seluruh warisnya.

10. Apa yang jadi tanggong-jawab saya sebagai Tua Lembaga Waris Kelana ialah untuk meyakinkan seluruh Waris-Waris saya ada Perut Hulu atau Perut Hilir bahawa tindakan yang saya ambil seterusnya adalah terlebih dahulu saya rujukkan kepada Lembaga Yang Tiga dan penelitian saya dalam memberikan ketentuan adalah keputusan dari perundingan dengan Dato' Dato' Lembaga yang berkaitan terhadap perlantikan. Kejayaan seseorang calon adalah mengikut peruntukan-peruntukan yang tercatat dalam Terombo 'adat Sungai Ujong yang sebahagian daripadanya ada dinukilkan kembali dalam buku 'Negeri Sembilan Dan Sejarahnya' oleh Abdul Samad bin Idris (Sokarang bergelar Tan Sri/ Dato') Mukad. Surat 61 yang Berbunyi:-

- " Waris Kelana, dua orang ' Ibu Dapa ' ialah Dato' Maharaja Lela Waris Hilir dan Dato' Johan Waris Hulu. Dato' Dato' ini berkuasa memilih sa-siapa yang patut menjadi Dato' Kelana Sungai Ujong. Sa-bonarnya Dato' Dato' yang dikatakan Waris Kelana ialah ' Ibu-Dapa ' kepada dua keturunan Perut yang tertinggi di Sungai Ujong iaitu Waris Hilir dan Waris Hulu."

Tetapi walau bagaimanapun saya amat mengharapkan kemua-
sakatan dan perundingan dari semua pihak yang terlibat berpujukan
nasihat Dato' pada 4hb. Mac, 1986 itu. Kita harus bersama menjayakan
satu perlantikan yang berasaskan peraturan dan tata susila Per'adat-
an, mengikut gilir dan hak kepada sesiapa yang berhak menyandangnya,
disiasat solidik keturunannya oleh Lembaga Yang Tiga, dikaji dan di-
susur-galur dari Salasilah asal-keturunan Undang Luak Sungai Ujong
yang berandika dan diroesti pula oleh Tua Lembaga Warisnya, berserta
Lembaga Yang Tiga yang berpuas hati atas ketokohan dan kolayakan ca-
lun dari baka yang baik dan Soko yang berposaka.

Saya bagi pihak Waris-Waris, Ibu-Ibu Soko dan seluruh
Dato' Dato' Lembaga Waris diDarat (Tidak termasuk Dato' Dato' yang
bertindak sebagai dalang khususnya Dato' Dato' yang terpecat) amat
menyanjung tinggi diatas pandangan dan nasihat Dato' kepada kami da-
lam kerapatan diBalai Undang pada 4hb. Mac, 1986 itu dimana Dato'to-
lah mengingatkan Dato' Dato' Lembaga dan ketua-ketua 'adat yang tu-
rut hadir dalam kerapatan dihari yang bersejarah itu supaya senti-
asa menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas demi menjaga perpadu-
an anak-anak Waris.

11. Oleh sebab 'adat itu satu budaya yang amat tinggi ni-
lainya, murni sifatnya tentu akan menjadi sebutan dan kenangan ka-
lau kita terus menghayati sifat kemurniannya itu untuk ikutan jema-
rasi dimasa yang akan datang. Mudah-mudahan yang koruh dapat dijer-
kan, dan yang kusut dapat diselesaikan.

" Kalau faham dah sesuai
Kalau benar dah seukur
Terbayang Tuah pada sekata
Tercapailah niat dan tujuan."

Sebenarnya dalam keadaan yang agak kritikal sekarang
disebabkan adanya ancaman-ancaman yang diterajui oleh dalang-dalang
'adat yang terdiri dari Lembaga-Lembaga yang terpecat (seperti be-
kas Dato' Johan En. Razali bin Khalid, bekas Dato' Sri Maharaja Di-
raja Haji Abdul Razak bin Mohd Jani, bekas Dato' Akhiruzaman En. Sa-
lehan bin Ismail termasuk dua Lembaga Tiang Balai yang sudah menyec-
lawong iaitu Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin dan
Dato' Dagang Paroi Mohd Nor bin Abulullah, kita pentingkan perpadu-
an dan kerjasama untuk menghadapi mereka, kita perlu menogakkan ke-
benaran yang bolih moyakinkan kepada pihak yang berkenaan khusus-
nya pihak Dewan Keadilan dan Undang dan pihak Kerajaan untuk mem-
buktikan kesahihan tindakan kita.

Saya sendiri amat kuatir kalau kita terus bersengkota
tanpa menghiraukan sebarang pandangan mahu pun nasihat dari Dewan
supaya menyegerakan perundingan bagi mengatasi masalah perlantik-
an ini, kita sendiri akan menerima risikonya. Bagi pihak saya dan
seluruh Dato' Dato' Lembaga Waris diDarat (tidak termasuk Dato'
Dato' Lembaga yang menjadi dalang 'adat) akan sentiasa menyebu-
lahi Dato' selagi pihak Dato' masih meyakini yang kita bolih ber-
kerja-sama bagi menegakkan kebenaran dan mengujudkan persofahaman.
Saya tidak mahu dituduh sebagai seorang yang tidak mempunyai pen-
dirian dan pedoman atau sebagai seorang ketua yang tidak dapat men-
pertanggung-jawabkan amanah yang dipikulkan kebalu saya oleh selu-
ruh Waris-Waris diDarat khususnya Waris Kelana.

Salinan Kepada:-

1. Duli Yang Maha Mulia
Yang Di-Pertuan Besar,
NEGERI SEMBILAN.
Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, DK., DGH.,
DK(Brunai), DK(Kelantan), DK(Kedah), DK(Selangor), DK(Johor).
2. Yang Amat Mulia
Dato' Hendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jolaba,
KUALA KELAWANG.
(Dato' Haji Musa bin Wahab, DTNS., PJK.).
3. Yang Amat Mulia
Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan,
Undang Luak Johol,
JOHOL.
(Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd. Som).
4. Yang Amat Mulia
Dato' Sodia Raja,
Undang Luak Rembau,
REMBAU.
(Dato' Haji Adnan bin Ma'ah, DTNS).
5. Yang Amat Mulia
Tunku Besar Tampin,
TAMPIN.
(Tunku Syed Idrus bin Tunku Syed Mohammad; DTNS).
6. Yang Amat Mulia
Tunku Besar Sri Menanti,
KUALA PILAH.
(Tunku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, DKYR., PPT).
7. Yang Amat Berhormat
Dato' Menteri Besar,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.
(Dato' Mohd Isa bin Dato' Haji Abd. Samad, DTNS, PHC.).
8. Yang Berhormat
Tuan Setiausaha Kerajaan,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.
(Encik Amiruddin bin Kaharuddin).

9. Yang Derhormat
Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,
Negeri Sembilan,
SEREMDAN.

(Encik Abu Samah bin Nordin).

10. Yang Berbahagia,
Tuan Setiausaha Dewan Keadilan dan Ukhuwah,
Negeri Sembilan,
SEREMDAN.

(Tuan Haji Abdul Hamid bin Lassim).

11. Yang Mulia,
Dato' Sri Maharaja Di-Raja,
Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong,
Seromban.

(Dato' Azman bin Jamlus).

12. Yang Mulia,
Dato' Huda Labu,
Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong,
Labu.

(Dato' Zainuddin bin Haji Abdullah).

Lembaga Waris Kelana,
Lorong 5, Kampung Bahru Pantai,
Seremban,
NEGERI SEMBILAN

بسم الله الرحمن الرحيم

25hb. Oktober, 1987

Y.A.B. Dato' Menteri Besar,
Negeri Sembilan,
Dato' Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, DSNS, P.M.C.,
Pejabat Menteri Besar,
70502 Seremban.

PER: CALUN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG YANG KE-10

Y.A.B. Dato'

Saya Dato' Maharaja Lela Luak Sungai Ujong sebagai Dun Lembaga Waris Kelana telah menyempurnakan tanggung-jawab saya mencalonkan seorang anak Waris tasak seperti yang diamanahkan oleh waris saya.

Saya telah mengadakan kerapatan Waris di Darat dari Perut Hulu dan Hilir pada 7hb. Ogos, 1984 dan mendapat mandat dari Waris seperti surat dan tanda tangan waris yang dilampirkan bersama ini.

Kebulatan Dato' Dato' Lembaga Tiga Persukuan juga tercapai dan telah pun disembahkan kepada Kebawah Duli Tuanku dirujukkan surat bertarikh 24hb. November, 1984.

Dengan itu kami Dato' Dato' membuat persetujuan mencalonkan Raja Azman bin Raja Amir Kad Pengenalan 2479727 Waris di Hilir Perut Kampung Manggis sebagai calon Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10.

Kami adalah mengharapkan Y.A.B. Dato' Menteri Besar memberi jawapan untuk persetujuan dan restu Dewan Keadilan dan Undang bagi calon tersebut.

Dengan persetujuan ini saya berserta Dato' Dato' Lembaga Tiga Persukuan menurunkan tanda tangan diatas keputusan dan kebulatan bersama.

Sekian, terima kasih.

.....
(Amhari bin Haji Abd. Rahman)
DATO' MAHARAJA LELA

.....
(Jahar bin Raof)
DATO' MENTERI

.....
(Hj. Zainuddin bin Musa)
DATO' RAJA DIMUDA

.....
(Abd. Shafer Hj. Zahar)
DATO' MAHARAJA LELA

Tel: Sibon. 712500.

11-11-11
KEMENTERIAN PERHIMPATAN
KEMENTERIAN PERHIMPATAN
KEMENTERIAN PERHIMPATAN
KEMENTERIAN PERHIMPATAN

11-11-11, 1965.

Encik Talib bin Jonoh
Kerani Balai Undang Luak Sungai Ujong,
Balai Undang Sungai Ujong,
SEREMBAN.

Tuan,

PERLANTIKAN DAN PERISYTIHARAN BALAI TANGGAH
DARU Y.A.M.DATO' KLANA PETRA, UNDANG LUAK
SUNGAI UJONG YANG KE 10

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat bertarikh Bil: (126) dan
MUSU 2/84 bertarikh 27hb Februari, 1965 mengenai perkara ter-
sebut di atas dan memaklumkan bahawa mengikut keputusan Me-
syuarat Dewan Keadilan dan Undang yang telah diadakan di Istana
Besar, Seri Menanti pada hari Selasa, 20hb Oktober, 1965/15hb.
Safar 1406 H, Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai yang berikut
sahaja yang boleh membuat perundingan berkenaan dengan perkara
perlantikan dan perisytiharan Balai Y.A.M.Dato' Klana Petra,
Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke 10:-

- i) Dato' Andelika Mendelika Rajah Duli bin Hordin
- ii) Dato' Raja Di Raja Dato' Aman Samalus
- iii) Dato' Muda Labu Zainuddin bin Haji Abdullah
- iv) Dato' Dagang Paroi Mohd. Nor Abdullah

Sidang Mesyuarat Dewan telah juga menasihatkan atas keperluan
Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai yang berkecuali atau pasatu calon-
calon yang diterima bersama-sama dengan Y.A.M.Dato' Menteri
Besar, Negeri Sembilan, Y.B.Sekintan Raja, Negeri
Sembilan dan Pegawai-Pegawai Daerah Seremban dan Port Dickson
sehingga terpilih penyandang pesaka Dato' Klana Petra, Undang
Luak Sungai Ujong.

Oleh hal yang demikian semua perundingan dan sebagainya yang
dibuat tanpa mengikut garis panduan yang telah ditetapkan itu
tidaklah dapat diterima.

Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong adalah di-
nasihatkan supaya mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan
itu.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

Adalah saya dengan hormatnya,

(Signature)
(HAJI ABDUL HAKID-BIN LASSIH)
SETIAUSAJA,
SEKIAN KEADILAN DAN UNDANG,
NEGERI SEMBILAN.

Dato' Maharaja Lela,
A/a Zamhari bin Haji Abdul Rahman,
Dorong 5, Kampung Baru Pantai,
SEREMBAN

Tarikh: 12 March 1985

DYMM Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman,
Yang Di-Pertuan Besar,
Pengerusi Dewan Keadilan dan Undang,
NEGERI SEMBILAN.

Ampun Tuanku.

Perkara: CALUN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG
SERTA RENGKASAN SALASILAH KETURUNAN
MENGIKUT ADAT

Merujuk kepada perkara di atas patik Dato' Maharaja Lela (Tua Lembaga waris perut hilir) / perut yang akan menyandang pusaka waris Undang Luak Sungai Ujong, mengikut dari segi adat hanya tiga calon yang patik kekukuhkan dari pada perut hilir mengikut surat patik bertarikh 17 hb April 1984 kepada Dato' Andika Mendolika, calon-calon yang di- catitkan adalah seperti berikut:-

- (1) Raja Azman b. Raja Amir (Perut Kg Manggis)
- (2) Azni b. Hj Mohamad (Perut Kg Setel)
- (3) Jazahanin b. Hj Amir (Perut Kg Gedang)

Huraian ringkas salasilah keturunan mengikut adat adalah seperti berikut:-

- (1) Raja Azman b. Raja Amir perut kg manggis yang benar-benar layak menyandang pusaka Dato' Undang Luak Sungai Ujong, setelah mendapat restu kerapatan Dato'-Dato' Tiga Persukuan dengan ketiadaan kecacatan dari segi adat.
- (2) Azni b. Hj Mohamad perut kg setel tidak dapat restu pemilihan daripada Dato' Tiga Persukuan oleh sebab kecacatan-nya daripada Saka menyandang pusaka mengikut dari segi adat.
- (3) Jazahanin b. Hj Amir perut kg gedang tidak dapat restu pemilihan-nya dari Dato' Tiga Persukuan oleh sebab telah sudah menyandang pusaka Undang Luak Sungai Ujong yang telah wafat (Dato' Mohd Kassim b. Dato' Nika Abdul Rashid).

Bagi calon-calon waris Hulu, Dato' Tiga Persukuan tidak dapat merestui oleh sebab kecacatan-nya ketiadaan Tun Lembaga (Dato' Johan) mengikut adat adat perpatih.

Sekian.

(ZAMHARI BIN HAJI ABDUL RAHMAN)

Dato' Maharaja Lela.

Disahkan oleh Dato'-Dato' Tiga Persukuan.

Dato' Maharaja Lela,
Zamhari bin Haji Abdul Rahman,
Telapak Dato' Maharaja Lela,
Kampung Bahru Pantai,
SEREMBAN.

بسم الله الرحمن الرحيم

1407 14 رمضان
12hb. Mei, 1987

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Tuanku Yang Di-Portuan Besar Negeri Sembilan,
d/a Istana Hinggap,
SEREMBAN,

Ampun/Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon di-ampun,

Adalah patik Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lembaga Waris Kelana berserta Lembaga Tiga Persukuan di Pantai merafakkan sembah ta'zim Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai raja yang berkeadilan, maka tiadalah sekali-kali patik sakalian berpaling sembah untuk melaksanakan tugas dan tanggung-jawab patik bagi menyempurnakan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Kesepuluh ini.

Setelah diperbincangkan dengan teliti melalui Ibu-Ibu Soko dan Waris-Waris serta diperkuatkan oleh Lembaga Yang Tiga ini :-

1. Dato' Menteri (Suku Semelenggang)
2. Dato' Raja Dimuda (Suku Biduanda)
3. Dato' Maharaja Inda (Suku Batu Hampar)

Ketiga-tiganya ini berfungui sebagai penyuluh 'adat di Pantai atau dengan perkataan lainnya mengikut Perbilangannya :-

" Menebang Kayu nan sobatang
Mencanteh akar nan sahelai
Malamuk tanah nan sabungkah
Membuka-boloh negari berpenghulu."

Maka bulatlah patik patik sakalian memilih Raja Azman bin Raja Amir dari Porut Hilir menyandang Pesaka Dato' Kelana Petra Undang Luak Sungai Ujong Yang Kesepuluh.

Patik bagi pihak Dato' Dato' Lembaga Luak Sungai Ujong serta ahli-ahli Waris sakalian menjunjong kasih atas lem-pah kurnia Kebawah Duli Tuanku bagi menyegerakan perlantikan ini.

Sekian, adalah patik-patik pacal yang menjunjong titah.

.....
(DATO' MAHARAJA LELA)
ZAMHARI BIN HJ. ABD. RAHMAN

.....
(DATO' MENENTERI)
SAHAL BIN ABD. RAUF

.....
(DATO' RAJA DIMUDA)
HJ. ZAINUDDIN BIN MUSA

.....
(DATO' MAHARAJA INDA)
ADD. GHAFAR BIN HJ. TAHIR

Dato' Maharaja Lela,
Zanhari bin Hj Abdul Rahman,
d/a Hajjah Hafshah Dto Hj Osman Ali,
Lorong 5, Kampung Pantai,
Seremban. N. Sembilan.

Tarikh: 24hb: November 1984

Kepada:
DYMM Yang Dipertuan Besar
Negeri Sembilan.

Perkara: HALUAN PILIHAN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG

Aipun Tuanku, sembah patek mohon diampun.

Merujuk kepada perkara diatas dan lanjutan daripada perjumpaan patek-patek Dato' Maharaja Lela (Tua Buspak) bersama-sama dengan Dato' Tiga Persekutu (Dato' penyuluh adat) iaitu Dato' Mentori, Dato' Raja Diraja, Dato' Maharaja Indra, di Istana Tuanku pada 21 November 1984 jam 11.30 pagi dan perjumpaan patek-patek semua dengan kebawah kuasa YTM Dato' Musa (Undang Luak Jelaku) pada 19 November 1984 jam 11.30 pagi juga usul berkaitan dengan perkara diatas. Lanjutan dari perjumpaan patek tempoh hari, titah Tuanku kepada patek-patek semua untuk menyampaikan mandat Tuanku kepada YD Dato' Mohd Isa Mentori Besar Negeri Sembilan telah patek sempurnakan pada 24 November 1984.

Patek sebagai Tuan waris pusaka Undang Luak Sungai Ujong, dengan kobulatan waris-waris Hilir menyerahkan kata putus (Benang Putih) kepada patek untuk memilih calon Undang Luak Sungai Ujong. Lihat Lampiran D. Patek bersama-sama dengan Dato' Tiga Persekutu dengan kobulatan memilih calon Raja Azman bin Raja Amir (Waris Kg Benggis) perut hilir menyandang pusaka Dato' Klana Putra Undang Luak Sungai Ujong yang baru, sekaligus kedudukan Raja Azman bin Raja Amir dikopilkan bersama untuk tatapan dan perhatian Tuanku. Aipun patek Tuanku.

(ZANHARI BIN HJ ABDUL RAHMAN)

Dato' Maharaja Lela

(Dato' Mentori)

Dato' Tiga Persekutu

(Dato' Raja Diraja)

Dato' Tiga Persekutu

(Dato' Maharaja Indra)

Dato' Tiga Persekutu

Salinan kepada:-

Maharaja Lola,
Zanhari bin Haji Abd. Rahman,
ng. 5, Kampong Baru Pantai,
nban.

Tarikh: 7 Mei 1934

Dato' (Lembaga Tiang Dalai)
Dato' Andika Mendolika - Pantai
Dato' Maharaja Diraja - Raseh
Dato' Dajang - Paroi
Dato' Akhir Zaman - Rantau

Julia Dato',

Perhatian saya Tuan Waris (HILIR) terhadap nama
calun (Undang Luak S. Ujong) dikenukakan
mengikut saluran.

Ya Zanhari bin Haji Abd. Rahman bergelar Dato' Maharaja
ia Tuan Waris Hilir dalam adat. Bagi memulakan tugas-tugas
sini biarlah saya beri keterangan berkenaan perkara yang
flaku dalam mencari calun pemilihan Undang yang benar,
tuk perhatian dan rujukan tuan-tuan. Waris yang berkekuatan
jadi Undang atau penghantar calun ialah waris Hulu dan
Hir. Oleh kerana waris Hulu tiada bertua dalam warisan
yang sudah tertanam bersama-sama Undang yang sangat (sangat)
ka sayalah yang menjalankan tugas Tuan yang Hilir untuk
ris Hulu dan Waris Hilir. Pada 11hb. Mac, 1934 saya telah
mengumpulkan waris Hulu dan waris Hilir memberitahu dan
merangkan tugas yang berat itu kepada kedua-dua belah pihak,
tuk mencari calun masing-masing, waris-waris telah menghantar
na-nama calun melalui saya selaku Tuan buapak dan Tuan guru
ngikut saluran adat. Setelah sekian lama tempoh yang
berikan untuk waris menghantar calun, hanya calun-calon
perti di bawah ini sahajalah yang sampai melalui saya
ngikut saluran:-

Calun-calon Waris Hilir:

- (1) Raja Azman bin Raja Amir
- (2) Raja Mohd Rosli bin Raja Zulfifli
- (3) Raja Alias bin Raja Abd. Rahman
- (4) Encik Ali bin Mohamed
- (5) Encik Ismail bin Kasim
- (6) Encik Mohamed Azmi bin Haji Mohamed
- (7) Encik Hassan bin Haji Osman
- (8) Encik Abd. Rashid bin Abd. Harid
- (9) Encik Mohd. Zain bin Karim
- (10) Encik Nordin bin Haji Abu Samah

- | | | |
|------|-------------------------------|------------|
| (11) | Encik Jazphanin bin Haji Asir | Kg. Gadang |
| (12) | Encik Mohd. Rom bin Daud | " |
| (13) | Encik Osman bin Ismail | " |

Calun Waris Hulu:

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|------------|------|
| (1) | Raja Abd. Rahim b Raja Abd. Razak | Kg. Gadang | Hulu |
| (2) | Encik Isahak bin Ismail | Kg. Nagoh | Hulu |

Hanya calon-calon meroka ini sahajalah yang saya tarikan kalai calon untuk dikaji dan dihalusi selanjutnya. Undang yangkah kebajikan supaya air mengalir biarlah ada saluran untuk diikutnya supaya mudah sampai ke laut. Setelah saya dapat mandat dari waris-waris, bagi calon-kali yang saya tarikan orang, hanya tiga calon sahaja dipilih sebagai calon-calon merut Soko, kajian selanjutnya diserahkan kepada Lembaga Pemilihan. Calon-calon yang terpilih saya dapati potensi berpola-pola tinggi dan saya mengadun polara-pola Kolera Undang Luak Sungai Ujong. Maka calon-calon yang dipilih telah saya serahkan kepada Dato' Sinda secara rasmi. Maka beliau menjalankan tugas Dato' Andika untuk diikutnya. Maka (4) orang orang Lembaga Tiang Balai ini:-


- | | | |
|-----|-----------------------------|----------|
| (1) | Y.M. Dato' Andika Mendelika | - Pontai |
| (2) | Y.M. Dato' Akhir Zaman | - Rantan |
| (3) | Y.M. Dato' Daging | - Petai |
| (4) | Y.M. Dato' Maharaja Diraja | - Raseh. |

Calun Hulu, saya tidak dapat membuat pertunjukan di dalam negeri ini.

- (1) Insan yang terbenam tidak dapat diikutkan dalam laporan tahun;
- (2) Sesiapa tindakan dibuat dan diambil di dalam negeri ini; dan
- (3) Tidak ada kata sepakat dalam waris-waris Hulu perhubungan kata adat 'Balai air keatas' dan 'Balai air keatas'.

Dengan ini mulailah saya jalankan tugas saya sebagai Waris di dalam Alat. Oleh itu saya akan pergi di dalam alat. Kalau ada mana-mana calon yang diikutkan tidak melalui alat diikut adat, tidaklah boleh diikut. Kalau perhubungan yang tidak patuh kepada landasan-landasan adat yang beradab. Orang yang akan menjadi Undang itu mestilah besar-besarnya pertambahan alat, ialah yang terentah dalam perpatih orang beradab, biar nanti anak jangan nanti adat. Justeru ini saya jalankan kerana saya akan kekecohkan yang beradab atau kata dilakukan didalam masyarakat di dalam balai, saya beradab bin saya besar kemungkinan perantaraan tersebut tidak dapat dijalankan seperti mana diikut adat, tetapi nanti nanti. Saya berharap segala penjelasan ini dengan keadaan sebenarnya untuk perantaraan dan rujukan tuan-tuan dapatlah kiranya mengawasi masyarakat yang akan diadakan nanti, dan menentukan pemilihan Dato' Kolera dipilih secara bersih dan amanah. Mudah-mudahan Allah akan menolong perantaraan ini dengan jalan yang bersih dan amanah.

Sekian, dengan hormat dari saya.



.....
(Zaini bin Haji Abd. Rahman)

Dato' Maharaja Lola.

Daftar Keadilan

Y.T.M. Undang Luck Jelabu.

Y.T.M. Undang Luck Johol.

Y.T.M. Undang Luck Rembau.

Y.A.M. Dato' Shah Bandar, Sungai Ujong.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Negeri Sembilan.

Y.M. Setiausaha Dewan Keadilan, Negeri Sembilan.

Y.M. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

Y.M. Dato' Menteri (Dato' Lembaga Tiga Persekutuan)

Y.M. Dato' Raja Diraja (Dato' Lembaga Tiga Persekutuan)

Y.M. Dato' Maharaja Lela (Janda) - (Dato' Lembaga Tiga Persekutuan)
Fail.

k Dato' Andalika Mandulika,
Mohd Fadzil bin Nordin,
Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong
Kg Batu 7, Pantai,
WN.

1986.
mukilakhir 140311.

la: YB/M/Dato'/Tuun/Puan.....

adalah dengan selamatnya.

ra : Adat Istiadat Peristiharan dan Perlantikan
Y.T.M. Dato' Kelana Putra, Undang Luak
Sungai Ujong Ke-10.

Dato'-Dato', Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong, Negeri Sembilan
h dengan segala hormatnya mempersilakan YB/M/Dato'/Tuun/Puan datang
Lega Undang, Kampung Batu 9, Pantai, Seremban pada Shb. Mac, 1986
man hari Sabtu Jam 10.00 pagi untuk menyaksikan Istiadat yang
ikut diatas.

m. Terima kasih.

benar,

.....
Mohd Fadzil bin Nordin,
Andalika Mandulika
Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong.



PERLANTIKAN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG

Silangkan 'adat ada mengatakan:-

Dulat Anak Buah menjadikan Duapak
Dulat Duapak menjadikan Lembaga
Dulat Lembaga menjadikan Undang
Dulat Undang menjadikan Yang Di-Pertuan (Raja)

Undang bertapak dari Warisnya
Gemak borpupuk, sogar bersiram, olih Warisnya

Kalau diHulu menyandang posaka
Dato' Johan tua Warisnya
Kalau diHilir menyandang posaka
Dato' Maharaja Lola tua Warisnya

Dik 'adat itu hak bersama
Tumbuhnya ditanam
Sogarnya disiram
Suburnya dibaja

Dik kata orang:-

Tolur sabiji sama ditatang
Pesaka satu sama dibela

Maka kita sama-sama dipertanggung-jawabkan untuk mengawasi sebarang penyolowengan olih sesiapa sahaja khususnya Lembaga Tiang Balaiyya sendiri yang terdiri dari:-


1. Dato' Andolika Mendolika (Mohd Fadzil bin Hordin)
2. Dato' Dagang Paroi (Mohd Nor bin Abdullah)
3. Dato' Sri Maharaja Di-raja (Azman bin Jamlus)

Kerana mereka ini tidak mendapat kepercayaan dari sebilangan besar anak-anak Warisnya dan tidak dapat berfungsi dengan sempurna disebabkan tindak-tanduknya bercanggah dengan peraturan 'adat. Bagitu juga tindakan-tindakan orang-orang yang telah keciwa sebagai dalang-dalang 'adat yang telah kecundang dalam proffession mereka sering menimbulkan masa'alah yang memburukkan lagi suasana. Mereka itu terdiri dari:-

1. En. Razali bin Khalid (Bekas Dato' Johan)
2. Hj. Abdul Razak bin Mohd Jani (Bekas Dato' Sri Maharaja Diraja)
3. En. Selahan bin Ismail (Bekas Dato' Akhir Yaman)

Maka penyelenggaraan pemilihan ini adalah diserahkan kepada Tua Lembaga Waris Kelana dengan dibantu olih Dato' Lembaga Tiga Persukuan serta Lembaga-Lembaga yang lainnya untuk memberikan ketantuan dan keputusan dari perundingan terhadap kelayakan seseorang calon mengikut peruntukan-peruntukan yang tercatat dalam Terombo 'adat luak Sungai Ujong yang sebahagian daripadanya ada dinukilkan kembali dalam buku 'Negeri Sembilan Dan Sejarahnya' Olih Abdul Samad bin Idris (Sekarang bergelar Tan Sri/ Dato') Muka Surat 61 yang berbunyi:-

" Waris Kelana, dua orang ' Ibu Bapa ' ialah Dato' Maharaja Lola Waris Hilir dan Dato' Johan Waris Hulu. Dato' Dato' ini berkuasa memilih sesiapa yang patut menjadi Dato' Kelana Sungai Ujong. Sabonarnya Dato' Dato' yang dikatakan Waris Kelana ialah ' Ibu bapa ' kepada dua keturunan Perut yang tertinggi di Sungai Ujong iaitu Waris Hilir dan Waris Hulu. "



Perbilangan 'adat' :-

" Bilat anak buah menjadikan buapak
Bilat buapak menjadikan lombaga
Bilat lombaga menjadikan Undang
Bilat Undang menjadikan Yang Di Pertuan "

Undang bertapak dari warisnya
Gumuk borpupuk sogar bersiram oleh warisnya

Dato' Andolika Mondolika sebagai Tua Lombaga
Tiang Balai monorima calon yang dikemukakan
oleh Tua Lombaga Waris Kelana yang bergelar
Dato' Maharaja Lola. Dato' Maharaja Lola pula
monorima nama-nama calon dari waris-waris yang
ditapis oleh lombaga Tiga Persukuan. Kemudian
calon itu diserahkan untuk diisytiharkan oleh
Dato' Shahbandar. Pegawai Kerajaan menjadi sak-
si dalam istiadat perisytiharan. Dengan kehadiran
memberikan restunya dan Dato' M.B. memberi po-